

# Manfaat IT sambung pengajian dalam talian

**Sebelum** COVID-19 melanda negara, ramai bertanya bilakah waktu paling sesuai menyambung pengajian peringkat pascasiswazah.

Ketika itu tiada jawapan tepat kerana pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) memerlukan seseorang berada dalam pemikiran matang dan kewangan stabil, malah mempunyai asas pengetahuan dalam penggunaan aplikasi analisis data.

Kini, sudah setahun berlalu sejak Kementerian Kesihatan (KKM) menerima laporan tiga kes awal jangkitan COVID-19. Sejak itu, rakyat melalui pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk memutuskan rantai wabak.

Semestinya 2021 diakui tahun mencabar, namun hakikatnya ia paling sesuai untuk menyambung pengajian ke peringkat pascasiswazah disebabkan beberapa faktor.

Pertama, sejak setahun lalu masyarakat diminta bekerja dari rumah. Ini bermakna, rata-rata sudah terbiasa dengan fleksibiliti dan penumpuan teras terhadap sesuatu perkara dalam

jangka tertentu.

Kita tidak perlu bangun seawal dua jam untuk ke tempat kerja dan mengambil masa sama untuk pulang ke rumah selepas waktu kerja.

Justeru, lebih empat hingga lima jam masa terluang sehari boleh dimanfaatkan untuk belajar dalam talian, pergi ke kelas untuk pengajian secara kerja kursus atau menulis tesis untuk pengajian secara penyelidikan.

Kedua, konsep bekerja dari rumah memotivasi orang ramai untuk celik teknologi maklumat (IT) dan memberi lebih tumpuan kepada internet secara betul.

Selain mahir berkomunikasi dalam media sosial seperti WhatsApp dan Telegram, orang ramai juga diperkenalkan pelbagai aplikasi untuk perbincangan berkumpulan atau pengurusan projek.

Akses kepada virtual rangkaian peribadi maya (VPN) juga diberikan kepada mereka yang terpaksa mengakses maklumat sulit ketika bekerja dari rumah. Tentu ini nilai tambah dalam perjalanan menggenggam segulung ijazah.

Ketiga, konsep bekerja dari rumah mengajar masyarakat bekerja secara berdikari dengan pemantauan minimum dan ia kebolehan penting dalam

pengajian peringkat pascasiswazah.

Seorang penyelia dan pensyarah pada peringkat ini tidak mengajar pelajar bertatih, malah menantikan hujahan akademik bernas serta selaras peringkat ijazah tinggi. Ini standard perlu difahami jika seseorang itu hendak menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan PhD.

Pelajar pada peringkat sarjana atau PhD juga seharusnya mempunyai pengalaman kerja yang akan membolehkannya mengutarakan idea dan hujahan bernas dalam kelas dan tesis kelak.

Keempat, sejak setahun lalu kita diajar mengurangkan gangguan luar dan fokus kepada perkara lebih penting. Penumpuan sebegini membantu kesempurnaan kerja kursus dan tesis.

Jika anak di sekolah rendah dan menengah terikat pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), ibu bapa juga boleh membuat jadual pengajian tersendiri.

Ahli keluarga kini melihat sendiri kesukaran seseorang dalam menyempurnakan tugas dan akan lebih memahami keperluan menghormati masa ditetapkan untuk tugas kerja kursus dan penyelidikan.

Tanpa disedari ahli akademik di negara ini juga sedang dan sudah melalui

perkara satu hingga empat seperti di atas.

Mereka juga belajar menggunakan aplikasi internet terkini untuk memudahkan kuliah syarahan dan bekerja dengan pemantauan minimum.


Realitinya pengajian peringkat pascasiswazah menguntungkan banyak pihak baik pelajar, institusi pengajian tinggi (IPT) dan bidang akademik secara keseluruhan.

Berdasarkan statistik, 22,342 pemegang ijazah PhD warganegara dilahirkan IPT pada 2017, namun perlu diakui pengajian pada peringkat ini bukan perkara mudah.

Ia tidak lari daripada cabaran dan rintangan, malah pemasalahan kajian akan terus berkembang sama ada sudah diselesaikan ataupun kajian seseorang itu mungkin sudah tidak relevan lagi untuk lima tahun akan datang.

Apa yang pasti hanya doa, ketekunan, iltizam dan kekuatan diri membantu seseorang untuk menyiapkan pengajiannya, tidak kira pada peringkat mana sekalipun.

**Penulis adalah** Pensyarah Kanan Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA (UiTM)



**Prof Madya  
Dr Mohd  
Syuhaidi  
Abu Bakar**